

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23/12/2018

## Azmin doakan negara kekal aman di bawah Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR 22 Dis.** - Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mendoakan negara kekal aman dan makmur di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau juga mendoakan agar Perdana Menteri dianugerahkan kesihatan yang baik bagi memimpin negara.

"Saya mendoakan semoga negara Malaysia kekal aman, makmur dan wibawa di bawah pentadbiran dan kepimpinan YAB @chedetofficial sebagai Perdana Menteri Malaysia.

"Saya juga mendoakan di hadapan Kaabah semoga Allah SWT menganugerahkan YAB Tun @chedetofficial dengan kesihatan yang terbaik dan kekuatan un-



**MOHAMED AZMIN ALI**

tuk memimpin umat dan negara Malaysia," katanya.

Beliau yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi berkata demikian menerusi hantaran dalam akaun Twitter beliau hari ini.

Menerusi akaun Twitter tersebut juga, Mohamed Azmin turut berkongsi gambarnya dan keluarga menuaikan ibadat umrah dan ziarah di Mekah.

Yang menarik perhatian ialah hantaran Mohamed Azmin itu disambut oleh Ahli Parlimen Sembrong, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang mendoakannya mabrur.

"Mabrur insya-Allah," kata Hishammuddin.